

**(Majlis Mesyuarat disambung  
semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi tadi persidangan masih membincangkan dan membahaskan Perkara VI Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka, bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti Tajuk-Tajuk seterusnya bagi belanjawan yang berkenaan ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita dapat bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti dan menimbang Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 satu per satu yang Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Pada sebelah pagi tadi, kita telah meluluskan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, kita sekarang beralih kepada tajuk-tajuk kementerian selanjutnya.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berpindah untuk membincangkan di bawah Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebelum Tajuk-Tajuk ini dibukakan untuk dibahas dan dibincangkan dengan diteliti, saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan mukadimah belanjawan dan hala tuju belanjawan kementeriannya, saya persilakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola bersyukur dengan kesempatan keemasan Yang Berhormat berikan. Tahun Kewangan 2020/2021 tinggal beberapa hari sahaja lagi akan berakhir.

Walaupun dalam keadaan menghadapi ancaman wabak *COVID-19*, abiskaola di Kementerian Hal Ehwal Ugama bersyukur dapat meneruskan perkhidmatan dan rancangan menurut yang diperuntukkan dalam Anggaran

Belanjawan 2020/2021 yang akan berakhir beberapa hari sahaja lagi.

Kaola akui, bahawa sebahagiannya ada yang terjejas namun ia tidaklah ditergandalakan, masing-masing tetap 'dikelinga' untuk memastikan pelaksanaannya sebagaimana yang dirancang atau sebagaimana yang difikirkan dalam masa pelaksanaannya.

Misalnya, Projek Masjid RPN Kampung Mengkubau dan RPN Kampung Meragang. Pada masa ini, hasil daripada kerja tahun lepas dan sebahagiannya juga tahun ini masing-masing projek masjid tersebut sedang dalam peringkat menilai tawaran, maknanya sudah ditawarkan dan tinggal menilai tawaran dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kalau tidak ada apa-apa halangan akan di*award* bagi pembinaan.

Kita mendoakan semoga usaha untuknya akan ditaufikkan oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* sesuai seperti yang ditunggu-tunggukan oleh penduduk di kedua-dua kawasan rancangan perumahan negara itu. Sementara Projek Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Lugu pula *programme worksnya* sedang direvisi dengan *revised work programme* itu nanti dijangka pembukaan tawaran akan dibuat pada bulan Mei tahun ini juga, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Projek Membina Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba telah disediakan konsep *desigmya* untuk dibawa bagi penelitian Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei. Begitu juga Projek Membina Masjid di Kawasan Perumahan Skim

Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Telisai juga konsep *desigmya* sudah ada untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan seterusnya Majlis Ugama Islam Brunei.

Sementara, projek membina Kampus Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah siap konsep *desigmya*, pada masa ini sedang dalam proses penyediaan dokumen untuk tawaran bagi kerja-kerja penyediaan tapaknya di kawasan Kampung Salambigar.

Begitulah halnya Yang Berhormat Pengerusi, sungguhpun keadaan berwaspada yang menghendaki kita bekerja dalam suasana norma baharu, namun fikiran dan kemahuan kita untuk melaksanakan projek-projek yang terjejas tidaklah diabaikan hingga tergendala.

*الْحَمْدُ لِلَّهِ* semua ini adalah dengan rahmat perlindungan *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan berkat kesepaduan seluruh negara di bawah kepimpinan bijaksana raja dan ulul amri kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola suka mengongsikan bahawa dalam suasana dan keadaan berkhidmat menurut norma baharu itu, misalnya Perkhidmatan Pendidikan Ugama meskipun terjejas dengan penutupan sekolah untuk beberapa waktu namun pembelajaran murid dapat diteruskan

dengan tatacara penyediaan *Home Learning Pack* dan secara pembelajaran dalam talian *online*.

Kaola suka mengongsikan bahawa hasilnya adalah positif sangat membanggakan iaitu diukur menurut *KPI*nya. Pendidikan agama berkesan menjana generasi intelek dan profesional. Dari segi peperiksaan awam dalam tahun 2020 menunjukkan kenaikan seramai 9.74% murid yang berjaya mendapat '5A' dalam peperiksaan PSR. Sementara bagi peperiksaan peringkat menengah 'O' Level iaitu peperiksaan umum mencatatkan kenaikan lebih 10% iaitu 10.05% pelajar berjaya mendapat 5 'O' Level/ke atas. Manakala bagi peperiksaan 'A' Level pula meningkat seramai 4.25% pelajar yang mendapat 2 'A' Level ke atas.

Perlu dicatatkan ialah ini peperiksaan umum di bawah sistem pendidikan nasional kita. Murid-murid ataupun penuntut di sekolah agama Arab dan Arab adalah juga mengambil mata-mata pelajaran umum ini sebagaimana mereka mengambil mata-mata pelajaran agama dan Arab. Ini menunjukkan betapa perhatian kita sangat penting untuk memastikan generasi kita mempunyai keseragaman dalam pendidikan. Keseragaman dalam memahami erti kata nasional kebangsaan berfikir secara kebangsaan melalui Pendidikan Saluran Pendidikan.

Inilah juga dapat disebutkan bahawa di samping mereka mengambil peperiksaan umum itu mata-mata

pelajaran umum mereka mengambil peperiksaan agama Sijil Peralajaran Agama Rendah, Sijil Pelajaran Agama Menengah Bawah (SPUB) dan peringkat menengah Atas Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STPU) yang masing-masing itu sebanding dengan sijil PSR, 'O' Level dan 'A' Level.

Sementara satu aspek lagi Yang Berhormat Pengerusi ialah kutipan zakat fitrah melalui masjid-masjid semasa kita dalam keadaan berwaspada oleh wabak *COVID-19* pada tahun lepas itu. Kutipan zakat fitrah yang terhad hanya dilakukan dalam bulan Ramadan yang kebetulan juga masjid pada bulan itu ditutup sementara menyebabkan sukar bagi orang ramai untuk datang ke masjid.

Bagaimanapun kesukaran itu dapat diatasi dengan cara kita iaitu pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Majlis Ugama Islam Brunei mencari cara-cara yang membolehkan mereka datang ke masjid juga dengan mematuhi sepenuhnya aturan-aturan di bawah *SOP* yang ditetapkan.

Hasilnya ialah kutipan zakat fitrah melalui masjid-masjid ternyata dapat terus diuruskan dan orang ramai datang membayar zakat dari segi jumlah bilangan pembayaran zakat Al-Muzaqi walaupun berkurangan daripada tahun sebelumnya tahun 2019 tetapi kurangnya itu tidaklah begitu banyak, cuma lebih sedikit daripada 1,000 orang iaitu 1,105 orang.

Berikutan daripada ini, kutipan zakat fitrah pada tahun lepas berbanding

dengan tahun 2019 juga berkurang sedikit iaitu daripada sebanyak \$980,254.22 pada tahun 2019 dengan pembayar zakat seramai 347,208 orang, hasil kutipanya menurun sedikit iaitu kutipan keseluruhannya \$977,815.59 (berkurang) setakat tidak sampai \$1,000,00 (\$863). Ini menunjukkan dengan cara-cara yang berpatutan sambil mengikut dengan patuh aturan-aturan di bawah *SOP*.

Perkhidmatan agama dalam perkara zakat ini dapat diteruskan dengan baik dan yang penting sekali orang ramai merasakan berat hati untuk melaksanakan kewajipan mereka untuk membayar zakat fitrah bagi diri mereka dan bagi tanggungan masing-masing.

Ini satu tanda-tanda amalan beragama yang sudah ketara daripada hasil pendidikan agama, daripada hasil agama didakwahkan dan daripada hasil agama difahamkan, maka itulah kita melihat betapa dalam perkara membayar zakat fitrah dalam keadaan yang sulit sedemikian itu ia juga masih dapat diteruskan dengan bersemangat keagamaan.

Dalam keadaan sedemikian itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita mengongsikan satu petanda baik untuk diikuti pada masa-masa yang akan datang ialah apa yang dibuat secara kreatif bagi kaola dan inovatif oleh pimpinan sebuah masjid di Daerah Brunei Muara bagi memudahkan pembayar-pembayar zakat fitrah membayar zakat dan bagi memudahkan pegawai, amil-amil menerima zakat

maka mereka telah melakukan pembayaran secara *drive through* di kawasan masjid tersebut.

Hasilnya sangat disyukuri iaitu kalau dibandingkan dengan masjid tersebut pada tahun 2019 cuma mengutip sebanyak \$5,539.21, tetapi pada tahun lepas dalam keadaan *COVID-19* dengan cara *drive thru* itu masjid berkenaan mengutip sebanyak \$44,261.62 bandingkan daripada 5000 kepada 40,000 ke atas. Masjid berkenaan ialah Masjid Ash-Shaliheen dan kaola bagi pihak kementerian sukacita mengucapkan selamat dan tahniah atas kepimpinan yang kaola yakini dengan penuh semangat inovatif dengan mengadakan langkah sedemikian itu.

Begitulah pula dengan cara lain untuk memudahkan warga-warga kementerian membayar zakat fitrah masing-masing. Majlis Ugama Islam Brunei telah mengaturkan seramai 23 orang pegawainya menjalankan tugas amil selama 3 hari dengan membuka kaunter menerima pembayaran zakat di bangunan-bangunan utama di kementerian-kementerian kecuali bagi Kementerian Pertahanan kerana lantikan amilnya telah lebih awal ditentukan.

Dengan cara itu seramai 3,684 orang warga kementerian-kementerian yang bertugas di bangunan-bangunan utama kementerian berkenaan telah dapat menunaikan pembayaran zakat fitrah mereka dalam tempoh 3 hari itu dan jumlah kutipan lebih \$10,000.00 iaitu seramai 3,684 orang dengan kutipan

zakat fitrah ini ialah sebanyak \$10,452.30.

Demikianlah antaranya kita meneruskan perkhidmatan dalam masa kita menjalani kebiasaan norma baharu, pengalaman daripadanya patut dijadikan pendorong dan pemangkin kearah mencari kaedah-kaedah baharu pelaksanaan tugas dan kerja kita.

Dalam hubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan orang-orang muda generasi baharu dan penerus perkhidmatan agama akan lebih tercabar untuk melaksanakan perkhidmatan dengan kreatif dan inovatif. Sama ada ia merupakan tanggungjawab perseorangan warganya dalam kapasiti jawatan masing-masing atau tanggungjawab secara kolektif sebagai warga kementerian yang visi kementerian itu ialah "Bersama ke arah kehidupan duniawi dan uhkrawi" dan dengan misinya: "Untuk memperkasakan penghayatan beragama dan memantapkan kerasmiannya berdasarkan hukum syara', perkembangan undang-undang dan falsafah Melayu Islam Beraja."

Maka bagi mendukung visi dan misi itulah peruntukan yang dicadangkan untuk Tahun Kewangan 2021-2022 bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah sebanyak \$296,827,263.00 yakni hampir mencapai kepada \$300 juta. Jumlah tersebut meliputi bagi perbelanjaan biasa dan Perbelanjaan Berulang-Ulang iaitu sebanyak \$262,975,280.00 yang hampir \$263 juta dan selebihnya

\$33,851,983.00 adalah bagi Perbelanjaan Kemajuan.

Kaola sukacita menyebutkan di sini dari segi yang khusus yang sekira-kiranya orang dirasakan oleh warga Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri untuk menimbang-timbang tugas dan habuan ataupun bahagian yang dapat mereka terima daripada perkhidmatan mereka yang berupa nilai *monetarynya*.

Jadi, sebahagian besar daripada perbelanjaan biasa dan perbelanjaan berulang-ulang sejumlah \$220.9 juta itu diperuntukkan bagi Gaji Kakitangan. Untuk gaji sahaja sebanyak \$165.8 juta sementara peruntukan yang berkaitan dengan kakitangan antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Caruman TAP sebanyak \$7.55 juta;
2. Caruman SCP sebanyak \$4.7 juta;
3. Bonus sebanyak \$17.2 juta;
4. Kurnia Elaun Khas sebanyak \$10.56 juta; dan
5. Elaun Sara hidup sebanyak \$7.6 juta dan bonus sebanyak \$17.2 juta.

Ini juga harus dilihat oleh orang ramai rakyat dan penduduk betapa perkhidmatan agama itu mempunyai tanggungan-tanggungan yang bagi kerajaan dapat diteruskan sebagai satu komitmen. Kaola memohon maaf di sini tidak membutirkannya dalam mukadimah kerana ia ada dituliskan atau disebutkan dalam Kertas Biru

peruntukkan yang dibentangkan dalam majlis ini.

Keseluruhannya adalah untuk kelangsungan yang lancar dan berkesan perkhidmatan agama iaitu bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.;

Iaitu dengan strategi belanjawan kementerian akan terus memberi penekanan atau keutamaan bagi melaksanakan khidmatnya kepada khalayak sasarnya dilaksanakan dengan baik teratur dan berkesan sambil itu dari semasa ke semasa akan mengatasi kelemahan-lemahan yang didapati. Dalam hal ini, kementerian perlu fokus melaksanakan program-program yang sedia disusun oleh semua jabatan, bahagian dan unit di bawahnya sekalipun akan sentiasa terbuka menerima teguran, menerima saranan iaitu teguran dan saranan yang membina dan bahkan bersedia untuk menerima kecaman-kecaman yang ikhlas yang sememangnya dalam menjalankan tugas dan memikul tanggungjawab adalah sudah lumrah kita berhadapan dengan cabaran termasuklah di luar jangkaan.

Ringkasnya Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan semua jajarannya termasuk Majlis Ugama Islam Brunei akan tetap pada landasan utama perkhidmatannya untuk memperkasakan agama rasmi negara iaitu Islam dengan memastikan bahawa Islam itu diajarkan, didakwahkan dan dikembangkan secara sistematik.

Ini untuk menjamin mencapai matlamat supaya ajaran Islam yang betul akan

di fahami dengan fahaman dan penghayatan yang juga betul dan seterusnya nilai yang betul itu diterapkan untuk memberi kesan positif kepada sikap, pemikiran dan pembawaan rakyat dan penduduk dalam mengekalkan keharmonian hidup berkeluarga, berjiran tetangga, berkampung halaman dan bermasyarakat dan seterusnya berbangsa iaitu kondusif dengan ajaran Islam yang datang daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** melalui Rasul-Nya **سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** iaitu agama rahmatan lil'alamin .

Kaola suka menyatakan bahawa peruntukan belanjawan kementerian yang dicadangkan itu hendaklah dilihat merupakan sokongan dan komitmen berterusan negara dan kerajaan. Komitmen dan sokongan yang berterusan kepada bidang perkhidmatan agama sebagaimana juga negara dan kerajaan memberikan komitmen yang berterusan kepada perkhidmatan bidang-bidang lain menerusi kementerian-kementerinya.

Seterusnya, kemampuan negara dan kerajaan memperuntukkan belanjawan sebegitu rupa perlu juga dilihat sebagai nikmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada negara dan kerajaan yang cendik kepimpinannya adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan berkat kepimpinan bijaksana baginda pula nikmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang dilimpahkan kepada Brunei, kepada pemerintahannya berjaya

selama ini dapat terus-menerus dicurahkan juga kepada bidang perkhidmatan agama.

اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ، maka nikmat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى واجب disyukuri dengan meletakkan diri kita sentiasa dalam parameter ajaran-ajaran agamanya, tidak ceroboh keluar. Sementara komitmen raja dan kerajaan baginda pula wajib disyukuri dengan berterima kasih menghargainya yang diikuti dengan taat setia dan cintakan negara dan rajanya iaitu ulul amri kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada penghujung mukadimah ini, koala sukacita menyebutkan tentang pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang telah dikuatkuasakan sepenuhnya secara berfasa (Fasa I, Fasa II dan III) bermula 1 Mei 2014 hingga April 2019.

Kaola ingin mengongsikan data dan statistik penguatkuasaannya iaitu terdapat sebanyak 652 kes di bawah Kesalahan Am yang telah selesai pendakwaannya dan 23 kes di bawah kesalahan curi yang didakwa pendakwaannya di bawah kesalahan yang boleh dihukum takzir sahaja dengan denda atau dengan penjara atau dengan kedua-duanya.

Bukan di bawah hukuman had atau hudud dan 1 kes didakwa di bawah kesalahan mencederakan yang dijatuhi hukuman penjara serta `arasy iaitu semacam pampasan yang wajib dibayar oleh pesalah kepada mangsa.

Setakat pendakwaan di bawah Kesalahan Am itu, ialah mengenai 15 kes hamil di luar nikah, 17 kes lelaki menghamilkan perempuan Islam di luar nikah, 2 kes tidak menghormati bulan Ramadan dan yang terbanyak 268 kes khalwat bagi orang Islam, 13 kes khalwat bagi orang bukan Islam, 7 kes perbuatan tidak senonoh, 2 kes lelaki berlagak menyerupai perempuan atau sebaliknya dan 1 kes menghina agama.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi. Semoga kita sekalian akan sentiasa mendapat hidayat petunjuk اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan semoga khidmat kita di Dewan majlis ini, mejadi sebahagian amal soleh kita yang diterima dan diberkati oleh اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan apa jua buah fikiran kita baik di dalamnya akan ditaufikkan oleh اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ke arah yang diredainya. آمين يا راب العالمين .  
Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** الْحَمْدُ لِلَّهِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, mukadimah yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebentar tadi adalah dibuat dengan cukup jelas dan terperinci dan meliputi keseluruhan penyediaan belanjawan kementeriannya.

Maka, bagi membolehkan tajuk ini dibincangkan, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tahniah jua diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kerana mengongsikan pencapaian serta kegunaan bajet atau peruntukan yang akan diberikan. Izinkan saya untuk menyentuh mengenai 3 perkara:

1. Mengenai Pemeliharaan Promosi Akal. Adalah 'bisai' jua kali mengenai pendidikan agama kitani yang kitani jalankan selama ini, diselidiki semula sistemnya untuk lebih relevan dan sesuai pada masa sekarang. Contoh saja, rungutan daripada orang ramai waktu belajar dapat disesuaikan semula. Contohnya, disepadukan dengan sekolah pagi dalam kokurikulumnya dalam waktu belajar 7.30 pagi 'selajurtah' sehingga 4.30 petang. Sesuai dengan waktu bekerja 'indung' atau ibu bapanya.

Ini dapat menolong ibu bapa yang terpaksa bergegas keluar sebab pagi kerana 'mengaga' si adik pada pukul 10.45 pagi, lepas itu balik 'si indung' pada pukul 3.30 petang langsung tidak masuk kerja sampai pukul 4.30 petang kerana 'mengaga' pada jam 5.00 petang. Ini menyebabkan produktiviti penjawat awam malah pekerja swasta kitani rendah.

Seketika dulu, pernah diperkenalkan sistem berpendidikan bersepadu namun ia berhenti begitu sahaja. Di negara lain juga mempunyai pendidikan agama dan ia disatukan dengan sistem pendidikan biasa. Menyebut mengenai peruntukan, soalan saya ialah dengan peruntukan

yang diberi sebanyak \$199,590,112.00. berapakah yang digunakan untuk inovasi pendidikan agama kitani?;

2. Mengenai Skim Perkhidmatan Guru Agama. **اللَّحْمُدُ لِلَّهِ** ia sudah pun diluluskan dan mula berkuatkuasa pada 27 Jun 2016. Saya difahamkan bahawa setakat ini seramai 23% dalam kalangan tenaga pengajar bagi Bahagian II dan Bahagian III telah berjaya diserapkan.

Dikongsikan juga kesulitan yang dihadapi oleh para guru iaitu syarat kelayakan atau kelulusan dalam garis panduan penyerapan *SPGU* tidak selaras dengan Brunei Darussalam *Qualification Reference Framework (BDQRF)* oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara brunei darussalam (MKPK).

Soalan saya, apakah status pelaksanaannya untuk menyelaraskan proses perubahan skim lama kepada Skim Perkhidmatan Guru yang baharu ini? Cadangan ke hadapan ialah untuk meningkatkan kualiti guru-guru agama. Sekiranya guru-guru di pendidikan biasa pada masa hadapan akan memegang semua *post graduate* dengan *Master of Teaching* contohnya, bukankah sudah tiba masanya kitani *upskill* guru-guru agama kitani dengan pendidikan yang bersesuaian serta pelajaran agama yang dipelajari adalah relevan dengan perubahan dan keperluan zaman. Contohnya menyediakan dukungan serta tenaga pengajar yang khusus bagi penuntut berkeperluan khas,



guru-guru agama yang berkelayakan sebagai kaunselar, guru-guru agama yang mengajar muamalat contohnya adalah berkelulusan atau berpengalaman dalam usahawan atau perniagaan.;

3. Mengenai Majlis Ugama Islam Brunei. Saya ingin bertanyakan mengenai atau memperkenalkan mengenai sistem wakaf wang tunai atau apa yang dipanggil cash waqf. Ia adalah sebuah sistem yang menggunakan Wang Tunai yang disumbangkan secara sukarela untuk kegunaan orang ramai dan pembangunan wakaf tunai telah menjadi alternatif yang bagus untuk individu yang tidak memiliki apa yang dipanggil *immovable asset* tetapi *movable asset* saja yang dimiliki seperti wang, emas dan lain-lain.

Cadangan saya ialah untuk memikirkan atau mengusahakan mengembangmajukan pelaksanaan serta penggunaan Wakaf Wang Tunai. Ini adalah untuk memudahkan orang ramai yang tidak mempunyai *immovable asset* seperti tanah atau bangunan untuk diwakafkan supaya mereka dapat menggunakan wang tersebut sebagai inisiatif lain untuk beramal serta menolong memajukan prasarana dan mungkin juga meningkatkan ekonomi negara.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih kepada Yang Berhormat yang

mengemukakan tiga perkara iaitu dalam promosi pendidikan agama, syarat kelayakan SPGU dan Majlis Ugama Islam mengenai wakaf tunai.

Persoalan pertama iaitu untuk menyesuaikan pendidikan agama dengan keperluan, bolehlah kaola fahami sebagai usaha ke hadapan untuk menyesuaikan pendidikan agama dengan keperluan semasa yang terang-terang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu sendiri. Perlu sudah difikirkan dan ini memang Yang Berhormat Pengerusi sedang difikirkan oleh pihak berkenaan di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga sebahagiannya sudah pun diketahui oleh rakan abiskaola di Kementerian Pendidikan.

Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, abiskaola melihat modalitinya sudah ada iaitu dengan adanya persekolahan agama di sekolah swasta. Dengan adanya sedemikian itu, murid-murid belajar agama di sekolah yang sama dan masa jadual belajar agama dilanjutkan ke sebelah petang di sekolah tersebut dan ini memberikan kemudahan sebagaimana yang dikehendaki.

Perkara persepaduan ini, Yang Berhormat Pengerusi, boleh juga dilihat dari segi *consolidation fiscal* kitani. Pada masa ini sudah sedia lebih dua pertiga daripada bangunan-bangunan sekolah agama adalah bangunan kongsi, guna sama dengan Kementerian Pendidikan.

Ini kiranya, boleh memudahkan lagi untuk kita berfikir ke hadapan menuju ke arah bagaimana modaliti yang ada di

sekolah-sekolah swasta pada masa ini yang mengadakan persekolahan agama di sekolahnya dapat kita timbangkan untuk dilaksanakan dengan lebih teliti. Mungkin kita akan melihat kesannya sebagaimana yang dihayatkan oleh ibu bapa, supaya tidak sukar menghantar dan mengambil anak-anaknya ke sekolah dan pihak kerajaan atau kalau mereka itu penjawat awam tidak akan kerugian masa bagi warga perkhidmatan awam yang banyak masa di luar daripada masa bekerja.

Juga didengar sungutan-sungutan daripada sektor swasta yang agak keberatan untuk mengambil orang-orang tempatan kitani atas asas ini kerana mereka itu bukan sahaja tertakluk dengan suka duka dalam keluarga dan masyarakat tetapi yang rutinnya mereka akan menggunakan masa bekerja untuk menghantar dan mengambil anak-anak mereka yang bersekolah.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ mudah-mudahan kesedaran ini akan sama-sama dirasakan oleh semua peringkat pelaksana di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga rakan-rakan di Kementerian Pendidikan untuk mencari satu *solution* terbaik-baiknya, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ .

Bagaimana pelaksanaan syarat SPGU? Kaola difahamkan, Yang Berhormat Pengerusi, ini tertakluk juga, nanti kalau ada maklumat terbaharu. Syarat-syarat itu tidak kurang daripada apa yang diperlukan bagi penyerapan guru-guru kepada skim ini. Bahkan dalam perkara-perkara tertentu, ia dikira lebih baik dan lebih jelas dengan khidmat guru-guru yang berkenaan itu dinilai sebegitu rupa.

Maka, kalau ada cara-cara lain lagi Yang Berhormat, dapat mengemukakan bagaimana pelaksanaan syarat-syarat yang sebaik-baiknya, bolehlah kita bincangkan nanti, dalam Dewan ini kalau sempat dan kalau tidak pun kitani teruskan perbincangan ini di luar, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ .

Mengenai Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) pula, tentang wakaf wang tunai. Sebenarnya, wakaf pada masa ini pada umumnya berjalan di bawah undang-undang MUIB yang sedia ada. Tetapi mengenai wakaf secara selengkapnya, undang-undangnya telah pun siap dan telah pun dibawa kepada MUIB untuk bacaan pertama dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, kalau tidak ada 'aral gundala', ia akan dapat disiapkan.

Adapun yang dikatakan wakaf wang tunai ini, sebenarnya tidak ada khusus wakaf itu melarang atau menyuruh secara wang tunai tetapi kita sudah melihat orang ramai ataupun orang perseorangan melakukan wakaf secara wang tunai sama ada secara individu ataupun secara kolektif atau jemaah, misalnya ada masjid yang dibina tidak mempunyai bilik penyempurnaan jenazah dan tidak diperuntukkan kereta membawa jenazah.

Jadi, orang ramai sama ada perseorangan atau keluarga atau secara beramai-ramai mengumpulkan wang tunai bagi membina dan menyediakan bilik jenazah dan kenderaan membawa jenazah. Ini menunjukkan wakaf yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad itu dapat dilakukan dalam keadaan undang-

undangannya yang khusus mengenai wakaf ini belum ada tetapi dalam undang-undang yang ada sekarang ini tidak terhalang untuk orang berwakaf sebagaimana juga orang berwakaf tanah untuk pembinaan masjid dan sebagainya.

Kaola rasakan, kalau ada perkara-perkara yang kurang daripada respons yang sepatutnya kepada Yang Berhormat, bolehlah nanti disebutkan, kalau ada kesempatan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sebagai sebuah negara majoritinya orang Islam, Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir, ingin menyentuh mengenai halal haram. Kaola cadangkan:

1. Memastikan semua barangan ataupun produk yang diragui kehalalannya, dipisahkan tempat penyimpanannya di kesemua *supermarket* dan tidak terkecuali kepada kedai-kedai runcit di semua pelosok negeri;
2. Untuk melarutkan kehalalan barang, bukan sahaja daging dan ayam atau alirannya tetapi keseluruhan pemakanan yang didatangkan ke dalam negeri termasuk barang-

barang lain seperti biskut-biskutan, minuman, farmaseutikal dan lain-lain lagi;

3. Menempatkan wakil Bahagian Halal Haram di semua sempadan kemasukan termasuklah di pelabuhan dan juga di lapangan terbang. Difahami pada ketika ini, hanya terdapat di Kuala Lurah dan Sungai Tujuh sahaja; dan
4. Melipatgandakan gerakan *enforcement* untuk membuat lawatan ke *supermarket*, kedai-kedai runcit, pasar-pasar dan tidak terkecuali pengimport-pengimport dan *wholesaler* yang mempunyai gudang penyimpanan dan juga *cold storage* di negara ini.

Sekian, وباللّٰه التّوٰفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ  
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Perkara yang menyentuh halal haram ini bagi negara kitani yang majoritinya penduduknya beragama Islam, sangat penting bukan sahaja dari segi pemakanan dan minuman, bahkan dalam banyak hal.

Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, supaya barang-barang makanan halal dan *non-halal* dan yang diragukan kehalalannya itu dipisahkan secara jelas baik di *supermarket* ataupun di kedai-kedai runcit. Barangkali Yang Berhormat sendiri maklum kalau di *supermarket* memang sudah dibuat

perkara ini, yang halal satu tempat dan yang bukan halal dipisahkan dan bahkan yang diragukan kehalalannya pun dipisahkan, cuma untuk melaratkannya sampai ke kedai-kedai runcit memerlukan sedikit waktu dan sedikit masa bagi mempertimbangkannya termasuklah logistik.

Untuk melaratkan halal bukan sahaja kepada makanan tetapi juga barang-barang lain, kita pada masa ini sebagaimana yang dimaklumi bukan sahaja daging ada undang-undangnya, daging-daging halal undang-undang termasuk penyembelihannya bahkan juga dari segi kawalan daripada pembekal-pembekal termasuk restoran-restoran, barang-barang yang dibekalkan itu diaudit kehalalannya kita maklumi sedemikian itu.

Cuma yang diperlukan ialah bagaimana mekanisme yang sudah ada di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan dapat dilaksanakan dengan berkesan yang dalam istilahnya untuk meningkatkan integriti pelaksanaan kawalan-kawalan baik peraturan ataupun undang-undang. Inilah yang sentiasa kita fikirkan dari semasa ke semasa di Majlis Ugama Islam Brunei.

Yang Berhormat tadi menyentuh termasuk juga untuk mengawasi *storage* dan sebagainya, ini sangat menarik Yang Berhormat Pengerusi apabila terjadi kejadian apa yang disebut suatu yang mengejutkan mengenai daging, bekalan daging halal di negara jiran kita, pihak yang berkenaan Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama

segera melihat apa yang ada di negara kita dalam erti kata melihat dari segi undang-undang dan dari segi prosedur-prosedur yang ada.

Didapati kalau dari segi kawalan daging ertinya pusat penyembelihan yang diiktiraf diperiksa, semasa penyembelihan, pembungkusan untuk penghantaran ke dalam negeri juga dipastikan oleh pemeriksa. Ia sampai ke dalam negeri juga diperiksa oleh pemeriksa, apa yang sedang dibuat di pusat penyembelihan itu masih sama dengan apa yang didapati sampai di pelabuhan.

Itu suatu perkara yang sangat menarik. Tetapi dalam peraturan kita tidak menentukan selepas itu ke mana ia dibawa, ke *storage* mana, jadi *storage* itu cuma kita mengetahui ia mendapat sijil halal sebagai pengimport atau penyimpan sijil halal dan pembekal daging-daging yang sudah mendapat sijil halal.

Jadi, inilah yang kita khawatirkan kerana mekanisme yang ada pada masa ini tidak sampai kepada sudut-sudut yang sedemikian kemungkinan apa yang terjadi di luar negeri itu boleh terjadi dalam negeri kita. Balik semula mengenai kita orang Islam di negeri ini majoritinya Islam dan kita mengambil kira semua sekali sedemikian rupa harus *Islamic*, syarie dan sebagainya, maka ke arah itulah dalam kita sibuk-sibuk hari itu memikirkan kekurangan bekalan daging dan ayam di dalam negeri ini *import* kita daripada pusat-pusat penyembelihan terhalang oleh *COVID-19*, jadi langkah untuk menunduki mekanisme memastikan *storage* dan kemudian

pembahagian ataupun pengedarannya kepada kedai-kedai runcit ataupun *supermarket* selain apa yang ada pada masa ini dikehendaki kedai atau *supermarket* tersebut apabila menjual daging akan menyebutkan, menunjukkan daging yang dijual di sini halal iaitu adanya *certificate* pengakuan halal.

Jadi, kita mahu mengemaskan hal itu mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilakukan bukan sahaja oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bersendirian kerana ia melibatkan agensi-agensi lain termasuk agensi *MPRT*, Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu dari segi kastam dan kalau ia berada di pelabuhan juga melibatkan agensi Kementerian Perhubungan dan Infokomunikasi. Semua ini menjadi tugas yang mencabar pada masa ini yang kaola rasakan mestilah difikirkan dengan sebaik-baiknya bersama kita secara holistik, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Melaratkan pengiktirafan halal bukan sahaja kepada makanan, undang-undang yang ada pada masa ini pun sudah ada menyebutkannya yang sedemikian untuk barang guna termasuklah ubat-ubatan, alat-alat solek dan apa lagi lebih daripada itu peraturan pada masa ini bukan menghendaki setakat secara *voluntary* untuk mengenakan menghendaki pensijilan halal bagi logistik. Itulah tadi logistik termasuk kalau kita tafsirkan sebagai *storage* dan sebagainya.

Bukan sahaja pengangkutan dari pelabuhan ke *storage* mestilah kenderaan yang seperti apa bukan sahaja selamat dari segi pemakanan

untuk dimakan dan bukan sahaja pemeriksaannya, adakah jumlah yang datang itu menepati sebagaimana yang dipohonkan kuotanya tetapi ialah juga logistik itu mestilah logistik yang halal. Halal dalam erti kata ia tidak bercampur baur dengan yang tidak halal. Itulah kita usahakan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Se kian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ  
 Kaola suka mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam bidang yang diamanahkan. Kaola membawa di bawah Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola suka membawa perkara zakat.

Sebagaimana pada masa kini hasil zakat tahunan belum mencapai tahap maksimum, perbelanjaan lebih tinggi daripada pendapatan zakat yang bererti pihak Majlis Ugama Islam Brunei menghadapi defisit. Maka kutipan komprehensif patut dilaksanakan, pemberigaan, kelebihan dan tanggungjawab orang ramai dalam menunaikan zakat. Zakat termasuk dalam rukun Islam yang keempat. Dicapangkan program memperkasa

menunaikan zakat kebangsaan seperti zakat perniagaan, tanaman, ternakan dan lain-lain.

Seterusnya kaola ingin tahu status kejayaan program PROPAZ terkini. Kesempatan ini kaola suka mencadangkan fokus pihak PROPAZ mencipta skim latihan dan mendapatkan lesen memandu kebangsaan bagi lesen-lesen memandu yang diperlukan komersial seperti pemandu *trailer, tanker, bus, pick-up* dan lain-lain, kenderaan komersial yang sekarang ini majoritinya diisi oleh pemandu warga asing.

Peluang pekerjaan sebagai pemandu ini sangat luas dan hendaklah dipantau dan ada perjanjian yang memastikan pemandu-pemandu ini komited dengan komitmen yang diberikan. Maksud kaola ialah nanti kalau ada asnaf-asnaf yang sudah dilatih dan mempunyai lesen memandu kenderaan komersial di sinilah keperluan kerjasama *Whole Of Nation Approach* dalam menjayakan usaha memberikan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan bagi asnaf-asnaf yang ada. Mudah-mudahan kita akan mencapai asnaf fakir miskin sifar, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Seterusnya, bahagian Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sejauh mana *SOP* pihak tertentu dalam pengambilan tenaga pengajar dalam pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam bagi memastikan mereka adalah jelas golongan Ahli Sunah Wal Jamaah dan juga dalam memastikan penghantaran penuntut-penuntut ke luar negara yang pendidikannya adalah Ahli Sunnah Wal

Jamaah. Mengikut maklumat, terdapat pengajian tinggi agama mengadakan dua semestar dalam bidang sukan seperti renang.

Ada yang mencadangkan supaya mata pelajaran Al-Quran dan Tajwid sebagai mata pelajaran teras bagi setiap semester hingga tahun akhir bagi setiap program. Al-Quran merupakan teras dan panduan kepada umat Islam khususnya bagi mahasiswa dalam bidang perguruan agama dan lebih giat dalam keaktifan kegiatan pembentukan kerohanian dan amali agama seperti, dikir, solat jenazah dan ilmu-ilmu fardu ain.

Seterusnya Khutbah Jumaat mengikut keadaan semasa dan dapat memberi penjelasan dan menjawab perkara-perkara yang kurang jelas seperti perkara-perkara viral dan sebagainya. Tahniah seperti mana khutbah berkenaan, Jumaat yang lalu.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat mencadangkan dan memikirkan dengan turut menyedari sebagaimana juga kesedaran ini ada diperingkat Majlis Ugama Islam Brunei dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bahawa kutipan zakat tidak sebanyak mana agihan yang diberikan ertinya perbelanjaan melebihi daripada pendapatan. Kalau dapat kaola sebutkan angka misalnya kutipan zakat setiap tahun termasuk zakat harta dan zakat fitrah mencapai sekadar 17 ke 18 juta. Agihan yang diperuntukkan pada setiap

tahun lebih daripada 20 juta. Tapi, jangan lupa bagaimana agihan ini mencukupi.

Kutipan ini mencukupi agihan yang sedemikian itu. Buat sementara ini kaola menyebutkan mungkin beberapa tahun ini ia mencukupi kerana akaun zakat yang ada dalam simpanan bank masih ada bakinya dari pembahagian 2007 membawa kepada 2012.

Kaola rasa Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman ada bertanya kepada kaola secara bertulis pada tahun lepas dan kaola menjawabnya mengenai perkara ini. Baki yang ada terkumpul itu sudah diagihkan tetapi masih ada bakinya. Jadi baki inilah yang menampung keperluan agihan yang berlebihan itu.

Angka agihan setahun yang diperuntukan itu lebih 20 juta atau boleh mencapai ke 30 juta mestilah mengambil kira itu diagihkan untuk dua tahun. Ertinya, tahun ini katalah tahun 2021 bulan Mac diputuskan pemohon itu sebagai penerima agihan, maka ia diberikan untuk tempoh dua tahun. Jadi angka berlebihan itu sebenarnya angka untuk dua tahun.

Jadi, kerana itu memanglah pemikiran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sangat relevan untuk bukan saja difikirkan kerana mekanismenya cuma belum ada undang-undang dan peraturan sudah ada untuk mengadakan kutipan zakat lebih daripada cara-cara yang berjalan secara konvensional pada

masa ini. Tinggal lagi bila dan bagaimana untuk melaksanakannya dengan sebaik-baiknya yang menghendaki perundingan dengan banyak pihak.

Misalnya, kalau kita menghendaki semua pendapatan orang Islam dizakat perniagaan orang-orang Islam dizakat, jadi di sana ada aspek-aspek yang berkaitan dengan *revenue* kerajaan. Kalau zakat korporat sudah dikenakan bagaimana zakat perniagaan dan perdagangan akan dikutip. Bukan zakat korporat, cukai korporat sudah dikehendaki oleh undang-undang bagaimana ini dapat, jadi, penyelarasan harus dapat dilakukan.

Di luar negeri di negara jiran kita penyelarasan itu sudah dapat mereka buat. Jadi pembayar-pembayar zakat tidak lagi membayar cukai pendapatan umpamanya. Jadi kerana itulah mereka mengumpulkan jumlah zakat yang *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* cukup banyak.

Itu satu aspek dan yang kedua dari segi zakat ini merupakan kejayaan PROPAZ (Program Pengupayaan Asnaf Zakat). Sejauh mana dari segi kejayaannya. Kalau dari segi perangkaan-perangkaannya memang ada menunjukkan ada kejayaannya tapi apakah ia seratus peratus bergantung kepada apabila ia sudah berkemahiran di tempat latihannya yang ditumpangkan di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan keluar dari sana, tinggal lagi bagaimana ia boleh dikatakan *employable* boleh bekerja dengan kemahirannya itu tetapi tertakluk pula

kepada peluang-peluang pekerjaan yang terbuka.

Ada peluang yang terbuka misalnya tapi kesanggupannya untuk mengambil pekerjaan tersebut di sektor swasta dan inilah juga satu perkara yang boleh merisaukan tapi dalam kerisauan itu jangan kita mengambil keputusan program ini tidak berhasil tidak berguna, program ini berguna dan sangat berguna kerana ada di antaranya katalah tidak seratus peratus, ada di antara mereka itu mempunyai kesedaran untuk berusaha sendiri dan tinggal lagi untuk mereka berusaha sendiri kalau untuk berniaga kecil-kecilan pun memerlukan modal maka di situlah sokongan modal dari zakat akan dibuat di samping juga sokongan modal daripada pihak-pihak lain yang berkenaan, misalnya kalau ada kelonggaran dari segi pinjam-meminjam di institusi kewangan, perbankan dan sebagainya.

Jadi hal-hal sedemikian inilah menjadikan PROPAZ itu kalau Yang Berhormat bertanya sejauh mana, kaola mengatakan ia satu program yang sangat berguna untuk diteruskan, bukanlah kerana peserta-peserta yang keluar dari sana tidak seratus peratus mendapat pekerjaan, tidak seratus peratus terlepas daripada menjadi asnaf maka ia tidak berguna itu ertinya pendekatan pemikiran kita yang agak keliru kerana tujuan kita ialah untuk memberikan mereka keupayaan bagi bekerja dan melepaskan diri mereka daripada kemiskinan. Kalau mereka benar-benar berjaya, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mereka juga bukan sahaja akan terus-menerus

sebagai penerima zakat, mungkin mereka terlepas daripada penerima zakat dan mungkin mereka akan menjadi pembayar zakat bukan zakat fitrah zakat perniagaan atau zakat harta dan sebagainya.

3. Ini kaola kurang jelas persoalannya. Pemandu kenderaan komersial untuk dikhususkan kepada asnaf-asnaf zakat supaya mereka mendapat pekerjaan. Kalau itu maksudnya, tertaklukkan kepada majikan, tetapi kita akan mengaturkan supaya ia diambil bekerja dan sebagainya. Itulah kita uruskan, bukan secara paksaan tetapi secara aturan-aturan atau perundangan-perundangan. Kaola percaya agensi-agensi seperti itu bukan lagi di Majlis Ugama Islam Brunei atau Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah agensi-agensi yang kitani ketahui *DARe* ataupun *Job Centre Brunei* dan sebagainya. Hal-hal seperti ini mesti kitani fikirkan dari segi aspek-aspek yang berkaitan dengan apa program-program yang sudah disediakan oleh kerajaan dan ertinya program-program itu bukan untuk tidak memasukkan asnaf tetapi sebenarnya asnaf juga tergolong daripada orang yang menjadi *target* supaya mendapat pekerjaan melalui *centre* yang tersebut.

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pengambilan tenaga pengajar pengajian tinggi. Sejauh mana *SOP*nya atau garis pandunya. Pada masa ini, pengajian tinggi diketahui mempunyai semacam autonomi untuk mengambil tenaga-tenaga pengajarnya, tenaga-tenaga akademik. Dalam mereka mempunyai autonomi sedemikian, mereka



mempunyai kesedaran untuk mengawal keluhuran undang-undang negara ini termasuklah dalam perkara agama.

Kaola faham, kalau berdasarkan pengalaman beberapa tahun yang lalu, kaola mengetahui bukan mudah untuk mereka menerima begitu sahaja dari luar negeri untuk bekerja di dalam negeri ini, tetapi calon-calon itu diuji, ditemu duga bukan sahaja dari segi kelayakan *paper qualification*nya, bahkan juga dari segi sikap dan sebagainya. Kita berharaplah pihak berkenaan pengajian tinggi mempunyai lebih kesedaran untuk menjaga keluhuran Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan sebagainya.

Ada lagi satu pelajaran Al-Quran di pusat pengajian tinggi yang dimaksudkan tidak dipentingkan oleh pengajian tinggi tetapi mementingkan kokurikulum seperti berenang, itukah maksudnya? Kaola kurang pasti hal ini kalau apa yang disuarakan Yang Berhormat didengar juga di luar Dewan. Maka, kitani berharaplah pihak-pihak yang berkenaan itu akan cuba menimbangkannya dengan sebaik-baiknya sebagai satu saranan di Dewan ini, saranan yang dapat difikirkan sejauh mana relevannya dan sebagainya.

Khutbah Jumaat. Memang Khutbah Jumaat ini kitani dipuji oleh rakan-rakan kitani di luar negeri kerana dapat mengawal masjid tidak menjadi sumber fahaman-fahaman yang bermacam-macam selain yang dikehendaki oleh negara. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** khutbah telah dilakukan sedemikian. Tetapi lebih daripada itu, sebagaimana yang diharapkan, itulah

juga yang diharapkan dari semasa ke semasa oleh kementerian supaya khutbah itu relevan dan kerana ia untuk relevan itu isu-isu semasa, isu-isu yang berbangkit tetapi awas, jangan khutbah, jangan mimbar dijadikan sebagaimana yang disarankan tadi untuk menjawab apa yang *divirakan* dalam media sosial. Ini akan mengundang khutbah menjadi medan yang kontroversial. Kita mahu hal-hal agama sedemikian ini haruslah dijaga.

Kita boleh bercakap secara ajaran-ajaran agama, tetapi kita jangan menyentuh apa yang difikirkan sebagai masih lagi pemikiran-pemikiran terbuka dalam kalangan orang ramai mengenai buruk baiknya dan sebagainya dan kita pun terus memihak kepada apa yang kitani fikirkan dan sebagainya melainkan ia menyentuh dasar-dasar keagamaan, ia menyentuh dasar-dasar negara, keselamatan dan sebagainya. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** khutbah akan sebagaimana ia dihalakan ke arah menyatupadukan penduduk dan menjadikan kitani orang-orang Islam mempunyai kesedaran sebagai penduduk yang sama-sama bertanggungjawab memelihara keamanan dan ketenteraman negara ini **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang kaola maksudkan *driver* itu di bawah program *PROPAZ* supaya *PROPAZ* mencipta kalangan asnaf itu dibiayai untuk mendapatkan latihan dan mendapatkan lesen-lesen memandu komersial. Yang dimaksudkan tadi yang seperti kurikulum itu ada terdapat pengajian tinggi mengadakan sampai 2 semester bahagian sukan seperti renang tetapi bahagian Al-Quran hanya satu semester.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Maka dengan penjelasan yang sedemikian itu, kaola rasa mengenai *PROPAZ* itu untuk membelanjai keperluan-keperluannya untuk mendapatkan sebagai itu, boleh dirunding sebenarnya. Ia sebahagian daripada bagaimana Majlis Ugama Islam Brunei mengagihkan wang zakat dengan sebaik-baiknya bagi keperluan-keperluan yang sudah ditentukan termasuklah *PROPAZ* ini terdiri daripada asnaf fakir miskin.

Mengenai kurikulum itu, seperti yang kaola nyatakan, mudah-mudahan apa yang didengar di sini, didengar juga di luar dan pihak berkenaan pengajian tinggi berkenaan, kalaulah benar aturan-aturan yang dibuatnya itu seolah-oleh tidak mementingkan pelajaran Al-Quran tetapi mementingkan sukan, apakah sukan renang dan sebagainya, maka bolehlah mereka timbangkan sebaik-baiknya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berminat juga menyampaikan sebentar tadi sama dengan rakan sejawatan mengenai zakat. Tetapi kaola menyampaikan ada perbezaan bahasa dan makna pengertian atau maksudnya. Kaola mohon jika diizinkan di dalam Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan dapat meneruskan soalan kaola.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat mengulang kaola sehingga bertanya kepada rakan mengenai apa?

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola ini hampir sama jua seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu mengenai zakat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Kalau ia dari segi aspek yang lain, Yang Berhormat Pengerusi bolehlah menimbangkannya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sangat tertarik jua berminat untuk mengemukakan soalan mengenai usaha

kementerian dalam pengupayaan zakat. Yang dapat jadi pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi di negara khususnya membantu meringankan beban kewangan kerajaan dalam *social welfare*. Kaola yakin dan percaya pihak kementerian di bawah MUIB yang diamanahkan untuk memegang tanggungjawab ini telah membuat perancangan dan usaha-usaha terhadap peningkatan jumlah kutipan zakat.

Dalam pada itu, tidak dinafikan bahawa ada sesetengah penduduk Islam yang kurang arif atau kurang berpengetahuan dalam kewajiban membayar zakat atau zakat harta, zakat emas, zakat perniagaan dan umpamanya. Maka usaha dalam memberikan kefahaman terhadap kewajiban mengeluarkan zakat ini patut dipertingkatkan dan diperkasakan lagi. Begitu jua dalam usaha mengupayakan kaedah kemudahan berzakat serta penyaluran patut didedahkan secara sistematik dan teratur.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana Yang Berhormat menyebut rakannya tadi seperti akan-akan lainlah iaitu untuk meluaskan lagi zakat ini untuk difahamkan kepada orang ramai tentang apa zakat dan macam mana kewajiban membayarnya dilakukan.

Jadi ini, sebahagian daripada usaha-usaha untuk meningkatkan kutipan zakat. Kalau pada masa ini, dalam

*pipeline* Yang Berhormat Pengerusi ada usaha daripada Majlis Ugama Islam Brunei untuk kutipan zakat fitrah, kalau tidak ada kendala, tahun ini bulan Ramadan, zakat fitrah akan dikutip secara *online*, akan dibayar secara *online* kepada bank, bukan kepada Majlis Ugama Islam Brunei. Kepada satu akaun yang dibukakan khas di bank yang ada pertaliannya dengan akaun zakat dibuka dan orang membayar kepada akaun tersebut. Mekanismenya sedang diteliti yang mahu dipastikan juga oleh kementerian. Ia hendaklah selamat, teratur mengikut aturan-aturan kewangan, itu yang sangat penting dan kemudahan-kemudahan seperti ini akan dapat dilihat sebagai satu inovasi yang permulaan kitani ke arah kutipan-kutipan zakat yang lebih efektif. Sesuai dengan keadaan dan hajat kitani untuk meningkatkan jumlah kutipan dari semasa ke semasa.

Jadi kaola berterima kasih pemikiran ini ada di Dewan dan mudah-mudahan idea Yang Berhormat bukan sahaja yang sudah mengemukakannya, bahkan yang mendengarkannya akan sama-sama berfikir dan mengajak kami di Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama berfikir, bukan menunggu masa musim permuzakarahan setahun sekali Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya, Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan hormat bila-bila masa untuk datang ke kementerian berunding secara individu tidak semesti secara berkumpulan, mungkin secara perseorangan dan sebagainya membantu kerajaan, membantu

kementerian dalam pelaksanaan khidmatnya. Inilah yang dihajatkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ  
Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang disampaikan pada petang ini. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan membawa perbincangan ataupun perbahasan mengenai di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan perbelanjaannya atau peruntukan yang diberikan iaitu \$292,975,280.00. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, abiskaola menyambut baik atas maklumat yang disampaikan pada petang ini atas projek masjid di bawah kedua-dua mukim iaitu Mukim Mentiri dan Mukim Serasa yang penduduknya rasa gembira bahawa RPN Kampung Meragang dan RPN Kampung Panchor, bahawa projek masjid akan dibina dan pada masa ini seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat masih dalam tawaran dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan dibuat pembinaannya seberapa cepat yang mungkin.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai Unit Pendidikan Khas. Mungkin perkara ini Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tidak menyentuh dalam taklimat yang diberikan pada petang ini. Kaola ingin memohon pencerahan mengenai persekolahan agama bagi anak-anak istimewa iaitu pelajar yang kurang berkemampuan:

1. Apakah perancangan dan strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi persekolahan agama kanak-kanak istimewa ini?; dan
2. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi menangani isu persekolahan kanak-kanak istimewa yang kebanyakannya tidak dapat meneruskan persekolahan agama disebabkan masalah-masalah tertentu seperti:
  - i. Kekurangan guru-guru terlatih bagi mendidik anak-anak istimewa;
  - ii. Penempatan persekolahan terdapat hanya terhad sahaja;
  - iii. Masa pembelajaran terhad kepada setengah jam dalam seminggu; dan
  - iv. Penempatan anak-anak istimewa bersama penuntut-penuntut lain, memberikan sedikit sebanyak kesukaran bagi guru-guru agama yang tidak terlatih menangani anak-anak istimewa.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mencadangkan di sini Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Unit Pendidikan Khas diharapkan memberikan dan membukakan lebih banyak pekerjaan kepada graduan-graduan aliran guru agama terlatih dengan pendidikan khas bagi mendidik anak-anak istimewa ini. Kaola juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat kita melihat keadaan guru-guru yang mengajar kepada pelajar-pelajar pendidikan khas ini mungkin sukar untuk guru-guru melatih ataupun mengajar.

Kaola mencadangkan dan mohon pertimbangan supaya guru-guru yang dihaskan untuk mengajar pelajar-pelajar pendidikan khas ini akan diberikan elaun khas *special allowance* daripada guru-guru biasa kerana kaola melihat keadaan guru yang mengajar kepada pelajar-pelajar yang pendidikan khas ini bukannya sama dengan pelajar-pelajar yang biasa.

Kaola juga ingin bertanya, mengenai Akta Pelajaran Wajib bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola diterangkan dan mengambil maklum daripada keluhan orang ramai.

Akta Pelajaran Wajib telah diwujudkan dan diberikan kepada pendidikan sekolah-sekolah rendah Melayu yang ada dan mungkin ada perbezaan juga **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau Yang Berhormat menerangkan, kita mendapati ada juga Akta Pendidikan Wajib ini disalurkan kepada pendidikan agama. Kaola disampaikan daripada orang ramai, misalnya anaknya bersekolah rendah Melayu dan tidak

hadir adakah ia dikenakan Pendidikan Wajib ini dan juga tidak hadir ke sekolah agama, jadi kaola ingin mohon pencerahan di sampaikan di Dewan ini. Sekian terima kasih. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai pendidikan khas dapat kaola simpulkan daripada ucapan Yang Berhormat tadi, ialah meningkatkan kelayakan guru kalau dalam bidang persekolahan agama tidak mencukupi maka hendaklah dicukupkan, itulah yang disarankan. Bagaimana ia akan mencukupkan, maka ertinya Kementerian Hal Ehwal Ugama berfikirilah dan hal itu disambut baik sebagai satu cadangan.

Tetapi bagaimana untuk mencukupkan selain apa yang biskaola fikirkan kalau ada fikiran daripada Yang Berhormat cubalah 'julungkan' kepada abiskaola dalam perkara sedemikian. ini perkara yang menyentuh kepentingan kitani sama-sama orang ramai, ibu bapa dan juga guru-guru di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah Jabatan Pengajian Islam dan sebagainya. Jangan lupa kementerian memang sudah berusaha ke arah itu ada guru-guru yang dilatih bagi tujuan tersebut bahkan ada latihan-latihan yang ditentukan di dalam kursus di Kolej Universiti Perguruan Ugama untuk ke arah itu, tapi bagaimana ia dapat melengkapkan keperluan yang sebenarnya perkara itu yang sama-sama patut kitani ikhtiarkan dan fikirkan cara-cara yang berkesan.

Itulah secara keseluruhan mengenai pendidikan khas bagi kanak-kanak yang berkeperluan khas. Dari segi guru itulah jawapan kaola. Tetapi dari segi bagaimana kanak-kanak ini ditempatkan belajar bersama-sama, pada masa ini kita belum ada mempunyai sekolah khusus mengenai perkara itu, sejauh mana nanti ada keperluan dengan bilangan mereka sejumlah yang ada adakah keperluan sebuah sekolah tersebut. Satu perkara yang kaola perhatikan yang berkeperluan khas ini bermacam-macam peringkat, ada yang dari segi anggota, sulit datang sekolah dan sebagainya sulit untuk hadir ke kelas, ada dari segi keupayaan *IQ*, hal-hal ini sangat mencabar bukan sahaja dari Kementerian Hal Ehwal Ugama tapi kaola rasa dari Kementerian Pendidikan juga sangat mencabar dan Kementerian Pendidikan lebih berpengalaman dalam hal ini tentulah juga mempunyai kesulitan untuk memenuhi ekspektasi daripada orang ramai terutama sekali ibu bapa.

Bagi kanak-kanak yang cuma terganggu mentaliti dan sebagainya, lihat juga *degreenya* kalau ada kanak-kanak boleh bergaul dengan murid-murid yang lain di dalam sekolah itu, di kelas itu, kaola mendengar dan mengetahui juga dari pembacaan kanak-kanak yang sedemikian itu jangan terus dipisahkan daripada *mainstream* sekolah tersebut, kalau mereka disisihkan daripada *mainstream* mereka akan terus tersisih jauh dan ini berlaku kepada kanak-kanak autisme. Perlu mereka ini didedahkan kepada pengalaman yang sama dengan rakan-rakannya, meskipun kesulitan

kepada guru, ibu bapa tetapi harus diingat jangan sampai memisahkan daripada *mainstream* persekolahannya. Itu dari segi yang kaola rasa perlu dipertimbangkan sebaik-baiknya.

Mengenai elaun khas bagi guru-guru ini sulit bagi kaola menjawab sama ada wajar atau tidak. Dari segi *speciality* guru-guru sekarang ini dikhususkan sama ada wajar atau tidak kalau *speciality* adakah yang mengajar subjek sains dengan subjek matematik lain daripada yang mengajar *specilaity* lain lagi. Kaola melihat guru-guru dengan latihannya mengikut pengkhususannya dan sudah mendapat nasib bahagiannya dari segi *monetary* mengikut gaji dan sebagainya, kalau ada yang lebih dari itu mungkin ada sebab-sebab lain yang boleh dipertimbangkan. Kaola ada mendengar di hujung tadi Akta Pelajaran Wajib di agama pun ada jua di Kementerian Pendidikan pun jadi bagaimana kalau ia inda datang ke sekolah biasa, adakah juga ia dikenakan apa-apa hukuman yang sama bagi pelajaran wajib agama. Satu perkara yang kaola ingin jelaskan kekeliruan yang kaola rasa terdapat dalam kalangan umum juga. Akta mengenai pelajaran agama yang wajib itu Yang Berhormat, bukan pelajaran agama wajib. Akta itu ialah mewajibkan ibu bapa anak-anak Islam ataupun penjaganya yang anak-anaknya berumur sekian-sekian di sekolah rendah untuk menghantar anaknya ke sekolah agama bukan menghantar untuk pengajian agama. Maknanya akta itu memastikan adanya sekolah agama, mereka disekolahkan di sana, kerana itulah kaola

rasa ada sebahagian ibu bapa yang menyedari perkara ini apabila anak mereka itu belajar di sekolah swasta atau umum (sekolah biasa di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama) tidak mempunyai waktu bagi mereka untuk menghantar anak mereka belajar agama di persekolahan agama, maka tuntutan-tuntutan seperti yang dibangkitkan awal-awal tadi supaya perkara ini ditimbang, supaya benar sekolah agama itu wujud, ada di sekolah yang lain. Kaola tadi menyebutkan ada *modality* yang baik daripada sekolah-sekolah swasta, ini yang sebenarnya.

Dari segi pendidikan wajib atau pelajaran wajib, itu rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh juga membetulkan tapi dari segi agama, akta itu ialah persekolahan agama, bersekolah wajib, wajib bagi ibu bapa/wali/penjaga menyekolahkan anaknya selama berapa tahun bersekolah agama dan menjadi satu kesalahan kalau tidak ada alasan yang munasabah ia tidak menghantar/menyekolahkan anaknya belajar agama. Kitani mestilah juga menimbang dari segi aspek kesulitan-kesulitan untuk menyekolahkan itu. Antaranya dengan cara kesepaduan dalam erti kata persekolahn agama itu ada seperti pada masa ini bangunan guna sama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, tinggal lagi waktu belajarnya masih terpisah tetapi ada sekolah swasta yang waktu belajarnya diselaraskan dengan waktu belajar pelajaran yang diberikan di sekolah swasta. Barangkali itu yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ kaola menyentuh di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. اللَّهُمَّ كَمَا أَنَّ Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun merancang pembinaan beberapa buah masjid baharu di seluruh negara dengan peruntukan RKN dan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Dengan bertambahnya bilangan masjid maka akan bertambahlah juga bilangan tenaga kerja seperti imam, bilal, merbut dan buruh masjid. Dalam hal ini sebagaimana yang dimaklumi bahawa pada masa ini masjid-masjid, surau dan balai ibadah belum dapat memenuhi keperluan imam dan bilal terutama di pedalaman sehingga masih menggunakan khidmat pemangku imam dan pelapis bilal.

Kaola mencadangkan supaya tambahan jawatan imam dan bilal akan dapat disegerakan supaya tidak lagi timbul masalah kekurangan imam dan bilal, sekali gus tidak lagi ada aduan daripada orang ramai akan ketiadaan pegawai masjid bertugas di masjid.

Yang kedua, dalam menjalankan urusan tadbir pengurusan masjid khususnya dalam hal-ehwal kepegawaian masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah memperkenalkan satu buku panduan kerja bagi pegawai masjid yang dipanggil sebagai Panduan Kerja Pegawai-Pegawai

Masjid Tahun 1996. Buku panduan ini telah menjadi asas dan peraturan bagi pegawai-pegawai masjid sejak tahun tersebut, khusus dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab seorang pegawai masjid.

Dalam usaha meningkatkan pengurusan masjid dan mengambil kira kedudukan buku panduan ini telah pun diguna pakai lebih 20 tahun, sewajarnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Masjid perlu mereviu dan mengemaskinikan buku panduan berkenaan dengan melihat keperluan-keperluan mengikut kesesuaian keadaan pada masa kini. Seperti penjadualan sistem giliran atau *shift* bertugas pegawai-pegawai masjid masa kini. Selain itu beberapa peraturan yang perlu dijelaskan dalam buku panduan tersebut seperti tindakan tatatertib.

Yang ketiga, kaola menyentuh mengenai Masjid Hassanal Bolkih Tutong. Masjid ini dibina pada tahun 1965, merupakan masjid utama di Daerah Tutong dan boleh menampung jemaah seramai 100 orang. Masjid Hassanal Bolkih ini tidak dapat menampung keramaian jemaah masjid pada masa ini dan juga kawasannya selalu mengalami banjir kilat dan pernah juga air banjir masuk ke dalam masjid sehingga jemaah tidak dapat menunaikan sembahyang di masjid tersebut.

Pada masa ini pembinaan perumahan telah dibina di belakang masjid tersebut. Untuk makluman di belakang masjid itu adalah bukit. Jadi apabila air hujan, maka segala lumpur yang kalau tidak dibuat

longkang yang sewajarnya, pada masa ini turun ke kawasan masjid sehingga menimbulkan masalah kepada jawatankuasa masjid.

Jadi sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama akan memasukan dalam bajet akan datang sama ada RKN Ke-12, supaya masjid baharu dibina untuk menggantikan Masjid Hassanal Bolkih ini. Sekian itu sahaja yang dapat disampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Rupa-rupanya Yang Berhormat ini orang yang berpengalaman dalam perkara yang diperkatakannya dalam bidang itu kerana beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas di bawah Menteri Hal Ehwal Ugama suatu ketika dahulu. Jadi, mengenai bilangan tenaga di masjid-masjid yang pada masa ini tidak mencukupi, menggunakan tenaga-tenaga sementara iaitu pelapis terutama di luar bandar. Perkara ini sudah dan sedang diusahakan tetapi kitani dalam pengisian jawatan ini:

1. Dalam pengisian keperluan ini, mesti diambil kira adanya kekosongan jawatan adanya bilangan yang mencukupi dari segi peruntukan; dan
2. Kalau adanya sedemikian itu dari segi pengisiannya yang memakan waktu. Pada masa ini, pengisian beberapa jawatan kosong sedang berjalan, itulah yang sekadar



mengikut peruntukan yang ada dan disedari dalam pengisian yang berjalan ini, proses-prosesnya itu adalah memakan waktu. Jadi inilah yang nampaknya dengan sejelas-jelasnya kekurangan tersebut dirasakan. Walau bagaimanapun, kaola berterima kasih kepada jemaah-jemaah masjid yang memahami perkara ini dan kerana itu apabila Jabatan Hal Ehwal Masjid dan bahkan jua masjid-masjid berkenaan mengambil langkah-langkah bagi memenuhi keperluannya dalam keadaan kesuntukan peruntukan orang yang akan ditugaskan di masjidnya, mereka mengambil langkah-langkah positif dan tidak membiarkan kekosongan tersebut menyebabkan masjid tidak berfungsi dengan sempurna.

Dari segi melihat masjid berfungsi dengan sempurna iaitu dalam erti kata sembahyang 5 waktu ada azannya, ada imamnya yang mengimamkan, sekalipun, ini masalah disiplin ni, sekalipun masjid itu ada imam satu, ada bilal atau ada masjid yang lebih dari itu diperuntukkan kerana aturan-aturan diperuntukkan 2 imam pun penuh jua jawatannya dan ada bilalnya, menjadikan mereka 3. Kalau disiplin penjawat-jawatan tersebut sebagaimana Yang Berhormat mengetahui, maka itulah yang terjadi. Ada masjid apabila cukup waktu terutama sekali pedalaman tidak dilaungkan azan atau ada masjid-masjid yang melaungkan azan tetapi bukan oleh pegawainya tetapi oleh jemaahnya.

Mengenai hal ini tindakan-tindakan di bawah peraturan-peraturan yang ada pada masa ini dan berkuat kuasa telah dan sedang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dan oleh kalau serius membawa kepada jawatankuasa disiplin kementerian dan tindakan-tindakan di bawah peraturan-peraturan yang ada yang menghendaki, yang membolehkan mereka digantung kerja atau dipindahkan ataupun mereka disokong untuk diberhentikan dan sebagainya. Sudah ada dibuat tetapi sejauh mana tindakan-tindakan ini menyerahkan ataupun menyebabkan yang lain-lain itu supaya tidak melakukan kesalahan yang sama, kesalahan disiplin yang sama. Inilah juga bergantung pada pembawaan masing-masing Yang Berhormat Pengerusi. Kitani mengurus manusia dan manusia berbagai tabiat dan berbagai-bagai perangai dan berbagai-bagai jua keupayaan, jadi kitani mengambil kira sedemikian dan bersabar dan mudah-mudahan dalam kesabaran kitani ada lagi Allah Ta'ala mengilhamkan kitani untuk mencari huraian-huraiannya yang sebaik-baiknya kepada semua.

Mengenai peraturan yang sudah daripada tahun 1996 iaitu memanglah patut direviu dan sudah pun pernah direviu dan untuk mengemaskannya dari semasa ke semasa memang sudah. Jadi pemikiran kementerian, terutama sekali Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong barangkali patut sama-sama memaklumi. Dalam aturan tersebut imam juga Pengerusi kepada Jawatankuasa Takmir Masjid, ia juga Bendahari bagi Jawatankuasa Takmir Masjid. Pada masa dahulu difikirkan

kepimpinan imam mestilah bertanggungjawab dalam serba serbi mengenai masjid terutama sekali kewangan masjid hanya kitani memikirkan perkara dalam urusan kewangan adalah perkara yang orang ahlinya yang boleh mengaturkan kerana kewangan akan diaudit untuk menyediakan penyata yang akan diaudit ialah kemampuan imam saja tidak lagi dapat.

Jadi bergantung juga pada ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, hanya kerana itulah ada pemikiran misalnya untuk menjadikan Bendahari kepada Jawatankuasa Takmir Masjid itu seorang daripada ahli Jawatankuasa Takmir Masjid daripada kalangan penduduk yang mengetahui serba sedikit hal ehwal *book keeping* sedemikian atau macam mana yang boleh dapat membantu dalam pengauditan yang dikehendaki di bawah peraturan-peraturan kewangan. Hal inilah antara perkara yang mustahak direviu perkara ini. Kalau pada masa dahulu kitani mahu imam itu menjadi *leading* segala kegiatan-kegiatan termasuklah kewangan dan sebagainya. Satu lagi yang patut direviu ialah apabila imam bertukar dari sebuah masjid ke sebuah masjid tidak ada peraturan dalam peraturan tersebut yang menyebutkan perlunya penyerahan Penyata Kira-Kira sebelum ia meninggalkan jawatannya di masjid berkenaan. Ini akan juga diperbaiki dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan secara itu kitani melihat pembaikan hal ehwal masjid dapat dilakukan dengan secara yang baik.

Mengenai masjid yang sudah dibina iaitu Masjid Hassanal Bolkiah yang sudah dibina semenjak tahun 1965 memanglah pada keadaannya pun memang bagus, masih baik tapi mengambil kira perkembangan sekitarnya, sekelilingnya yang antaranya mengganggu menyebabkan banjir apabila musim hujan yang lebat dan sebagainya. Jadi hal-hal macam ini adalah suatu perkara yang juga difikirkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama yang pada satu peringkat dahulu ada ura-ura untuk membangun masjid di daerah-daerah oleh Yayasan misalnya, maka masjid ada termasuk dalam yang dicadangkan untuk diperbaharui. Tapi walau bagaimanapun, perkara itu akan lebih 'dikelinga' oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sama ada melalui peruntukan di bawah RKN ataupun melalui peruntukan Tabung Dana Masjid. Mudah-mudahan segala-galanya akan berjalan dan ditaufikkan oleh Allah ke arah yang diredhainya.

Sekian Yang Berhormat, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Pengumpulan berita-berita dan isu-isu keagamaan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memudahkan rakyat tempatan memahami isu-isu semasa berkenaan dengan keagamaan yang dirangka oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, pemberigaan atau pencerahan mengenai hukum-hakam dan juga isu

semasa mengenai hal keagamaan perlu dikumpulkan dalam bentuk yang mudah dibaca seperti dalam bentuk digital yang boleh diakses di rumah persendirian atau di sesebuah institusi pengajian. *Portal* atau laman sesawang ini dicadangkan untuk sentiasa dikemas kini dan dibentuk mengikut trend pada masa kini agar maklumat dapat disampaikan dengan lebih menarik dan difahami isi kandungannya. Selain itu, segala aduan maklum balas pertanyaan dan aduan mengenai agama boleh disalurkan melalui *portal* atau laman sesawang berkenaan, berita atau isu semasa yang berkaitan dengan agama Islam dicadangkan agar dapat disebarikan melalui *portal digital* tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat membangkitkan perkara berita dan isu keagamaan. Untuk dimasukkan ke dalam media sosial pada oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga maklum balas mengenai hal ehwal berita dan isu-isu tersebut. Ini satu cadangan yang baik tapi apa jenis berita atau isu. Kalau berita-berita keagamaan dari segi kegiatan bukan saja sudah dipromosikan ataupun disiarkan secara media elektronik radio dan televisyen bahkan juga media cetak surat khabar, ada berita-berita ini kitani mengetahui. Tetapi apa isu-isunya? Kalau isu itu berhubung dengan hukum-hukum bukanlah semudah itu akan dapat dijawab dan dijelaskan melainkan dengan lebih dahulu merujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali fatwa dan sebagainya. Pihak yang

berkenaan itu sendiri dari semasa ke semasa kitani puji membuat respons-respons sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat tadi. Sesawang Darul Ifta adalah antara sesawang yang aktif dalam perkara ini dan bahan-bahan bacaan untuk orang ramai ada disiarkan secara teratur dari Darul Ifta itu, di surat-surat khabar terutama sekali surat khabar kitani 'Pelita Brunei'.

Mengenai perkara ini, patutlah kitani tumpukan. Kerja-kerja ini boleh dilakukan setakat mana dan sejauh mana keperluannya mengatasi keperluan-keperluan lain. Kalau ia dilakukan oleh pihak-pihak lain yang boleh melakukannya, misalannya dalam perkara rancangan-rancangan keagamaan dalam televisyen dan radio. Tidak semuanya datang dari rancangan Pusat Dakwah Islamiah, ia datang dari Radio dan Televisyen Brunei sendiri iaitu bahagian dakwahnya. Mereka mempunyai rancangan yang tertentu tapi menggunakan orang-orang agama sama ada dari Pusat Dakwah Islamiah ataupun dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama ataupun dari jabatan-jabatan yang juga memberikan khidmat keagamaan.

Pada masa ini, khidmat keagamaan itu dilakukan bukan saja di Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi juga dilakukan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dan Jabatan Kehakiman Syariah. Orang-orang ini semuanya ada dan boleh digunakan oleh Pusat Dakwah Islamiah, Radio dan Televisyen Brunei bagi rancangan-rancangannya. Jadi, mengikut bidang-bidang ini sudah boleh dikatakan, berita

isu keagamaan itu terangkum dalam kegiatan perkhidmatan agama oleh semua pihak tidak semestinya oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola rasa perkara ini difahami, diterima baik dan disambut oleh orang ramai tinggal lagi sejauh mana ia berkesan atau tidak, terpulanglah kepada satu caranya menarik dan yang kedua ialah sejauh tingkat-tingkat kadar penerimaan seseorang individu pada sesuatu perkara terutama sekali perkara agama.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Dipersilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam tajuk ini, sukacita kaola menyentuh mengenai saksi penyembelihan Brunei yang dilantik di luar negeri yang saksi-saksi berkenaan dilantik dari kalangan pegawai kedutaan Negara Brunei Darussalam yang bertugas di negara penyembelihan yang hanya diberikan kursus secara *online* dan tidak mempunyai latar belakang penyembelihan. Setakat pengetahuan kaola ada 2 negara yang telah dilantik saksi penyembelihan ini iaitu Malaysia dan Australia. Dalam hal ini, apakah jaminan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menangani isu ini dan jika ada isu berbangkit semasa penyembelihan bagaimana merujuk? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pengerusi pada mula-mula perkara ini diputuskan ertinya dalam keadaan kitani tidak dapat menghantar pemeriksa penyembelihan dalam keadaan *COVID-19* di negara berkenaan dan kitani sendiri menghadapi perkara sedemikian menyebabkan bekalan daging dari luar terputus maka memberi kesan kepada pengguna-pengguna dalam negeri, ikhtiar dilakukan. Antara ikhtiar itu termasuk dalam keadaan khas. Antara keadaan khas itu sepertimana yang disebutkan tadi, mewakilkan kepada pegawai-pegawai di kedutaan. Soalnya lagi, apabila pegawai-pegawai di kedutaan ini apakah mereka sanggup atau tidak? Kira-kira kesanggupan mereka itu adakah juga melayakkan mereka? Dari segi kelayakan hukum syarak menghendaki tidak apa-apa asalkan orang Islam termasuk orang perempuan. Tetapi dari segi kesanggupan, ini yang pada permulaannya agak lucu sedikit, ada yang 'berkirik-kirik' mendengar. Sesudah itu katanya, ayam seekor pun belum pernah disembelih tapi pernah saya melihat. Itu pun katanya, 'ijap'. Walau bagaimanapun, kerana tugas, sebahagian daripada mereka itu berkesanggupan.

Dalam hal macam ini, langkah diambil. Mereka itu memang tidak berpengalaman dan tidak mempunyai latar belakang dalam perkara yang akan ditugaskan jadi kerana itulah Majlis Ugama Islam Brunei juga memutuskan supaya mereka meminta bantuan dari agensi-agensi ataupun *muslim society* di tempat berkenaan. Bahkan ada lagi

pihak-pihak berkenaan penyembelihan itu yang mempunyai agensi-agensi tertentu yang bertugas untuk Halal *checker* sebagai pemeriksa Halal. Jadi tenaga-tenaga inilah yang dapat membantu mereka dalam melaksanakan tugas yang diberikan sedemikian itu.

Apakah ini akan berlaku untuk masa hadapan? Ini adalah terbuka. Kalau dalam undang-undang menghendaki pemeriksaan oleh 2 orang, memastikan proses-prosesnya sebagaimana yang disebutkan dalam undang-undang dan peraturan-peraturannya mesti dari wakil agensi-agensi atau Majlis Ugama Islam Brunei hendaklah menghantar orang-orangnya yang juga terdiri daripada jabatan-jabatan keagamaan, Jabatan Mufti Kerajaan dan selain itu pihak Kastam dan Eksais Diraja Brunei, *MPRT* semuanya untuk memastikan mengenai kedudukan pengiktirafan atau untuk memberikan akreditasi kepada pusat-pusat penyembelihan. Mengenai penyembelihan untuk menyaksikannya lazimnya dari pegawai-pegawai Majlis Ugama Islam Brunei. Macam manapun apa yang berlaku masa *COVID-19* dengan langkah-langkah yang khusus seperti ini terbuka untuk difikirkan bagi melihat semula aturan-aturan yang ada ataupun kalau perlu undang-undang yang ada mengenainya. Mudah-mudahan kitani akan memilih cara yang benar-benar menjamin kehalalan dan integriti halalnya daging yang dieksport dari luar negeri berkenaan yang *diconsume*, import oleh kitani Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira cukuplah dahulu kita berbincang mengenai tajuk yang berkenaan ini. Kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun bersidang pada pagi tadi dan petang ini. Kita juga telah bersidang dan membincangkan tajuk-tajuk yang berkenaan maka saya kira cukuplah pada hari ini kita mengadakan perbincangan kita. Saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada esok hari iaitu hari Selasa, 23 Mac 2021 mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**